

30/12/1999

Pemuda tidak mahu Presiden ditentang

KUALA LUMPUR, Rabu - Umno perlu mencari satu formula bagi memastikan proses pemilihan jawatan tertinggi parti tahun depan, tidak menjejaskan perpaduan yang sedia ada.

Justeru, Pemangku Ketua Pergerakan Pemuda, Datuk Hishammuddin Hussein, mencadangkan supaya sekurang-kurangnya jawatan Presiden yang ketika ini disandang Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir tidak dipertandingkan.

"Saya bimbang kalau bertanding akan memecahbelahkan lagi perpaduan dalam Umno... ini bukan masanya.

"Oleh kerana Presiden sendiri sedia untuk mempertahankan jawatannya, saya sebagai Pemangku Ketua Pemuda berharap satu pendekatan dan formula dapat dibincang pada peringkat Majlis Tertinggi (MT) dan kedua-dua sayap, Pemuda dan Wanita, untuk memberi jaminan bahawa apa juga pertandingan dan pemilihan peringkat parti tidak akan menjejaskan kesatuan yang ada.

"Cukup-cukuplah kita bersengketa dan bercakaran," katanya ketika ditemui di sini, hari ini.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas mengenai kesediaan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad untuk mempertahankan jawatan Presiden Umno sekiranya dicalonkan semula.

Bagaimanapun, Hishammuddin berkata, beliau perlu mendapat restu daripada Exco Pemuda sekiranya ingin membawa usul supaya jawatan Presiden dan Timbalan Presiden tidak dipertandingkan pada pemilihan akan datang.

Mengenai kedudukannya sendiri, Hishammuddin yang kini memangku jawatan Ketua Pemuda sejak peletakan jawatan oleh Datuk Zahid Hamidi, tahun lalu, tidak menolak kemungkinan akan bertanding jawatan itu sekiranya dicalonkan.

Bagaimanapun, beliau menegaskan sedia mengundur diri jika ia akan membawa perpecahan dalam pergerakan itu.

(END)